

**Perkenalkan juga kursus integriti,
antirasuah di sekolah rendah**

Benci rasuah lebih mudah dipupuk dalam kalangan kanak-kanak berbanding remaja



NOR HIZWAN

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM

Parti Bangsa Malaysia (PBM) berpandangan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) harus memperkenalkan Kursus Integriti dan Antirasuah di peringkat sekolah rendah.

Setiausaha Agung PBM, Nor Hizwan Ahmad berkata, ia berikutan kesedaran mengenai gejala rasuah lebih mudah untuk dipupuk dalam kalangan kanak-kanak berbanding golongan remaja.

Menurut beliau, ia mungkin sudah terlambat jika kursus tersebut dijadikan sebagai subjek wajib kepada pelajar pengajian tinggi.

"Mereka yang berusia lewat remaja atau awal 20-an, kebiasaannya lebih sukar untuk menerapkan nilai seperti menolak rasuah.

"Walaupun mereka menduduki mata pelajaran ini di universiti atau mendapat markah cemerlang, ini tidak bermakna mereka akan menghindari dari gejala yang merosakkan ini.

"Ini hanya bermakna bahawa mereka mempunyai pemahaman teori tentang subjek



itu saja," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Pada Sabtu, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah telah memutuskan supaya Kursus Integriti dan Antirasuah diwajibkan di semua institusi pengajian tinggi (IPT) bermula tahun depan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Norazlan Mohd Razali berkata, kursus itu akan menjadi subjek yang sistematik dan berstruktur untuk pemahaman pelajar mengenai rasuah.


Mengulas lanjut, Nor Hizwan memberitahu, sekiranya pelajar sekolah rendah didedahkan kepada mata pelajaran tersebut lebih awal, besar kemungkinan mereka akan dapat menyerap nilai-nilai seperti ketelusan dan integriti dengan lebih baik.

KURSUS INTEGRITI & ANTIRASUAH DIWAJIBKAN DI IPT

- 1 Diputuskan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah untuk bermula pada 2023
- 2 Dijadikan subjek sistematik & berstruktur untuk pemahaman pelajar supaya
 - Lebih peka akan kesan rasuah yang boleh jejakkan diri & negara
 - Tidak meminta & member rasuah
- 3 Pemimpin mahasiswa boleh membantu SPRM menyebarkan mesej & panduan antirasuah
- 4 Inisiatif ini boleh dirangka & dilaksanakan melalui bimbingan SPRM

BELIA TERLIBAT RASUAH

Dari 2020 - 3 Jun 2022



Data ini wajar menjadi peringatan kepada para penuntut bahawa antara belia tersebut merupakan bekas pelajar IPT. Godaan rasuah wujud terutama apabila pelajar memasuki alam pekerjaan.

-- Datuk Seri Norazlan Mohd Razali

KESALAHAN

- Memberi rasuah
- Menerima rasuah
- Lain-lain kesalahan berkaitan rasuah

IPT - Institusi pengajian tinggi
SPRM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Sumber: Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM
Datuk Seri Norazlan Mohd Razali

Diterbitkan: 5 Jun 2022
Infografik Bernama

"Bak kata pepatah Melayu, 'melentur buluh biarlah dari rebungunya'.
"Selain reformasi institusi, satu elemen penting dalam memerangi rasuah ialah mengubah minda rakyat Malaysia di mana sesetengah lapisan masyarakat masih merasakan rasuah adalah sebahagian daripada budaya kita atau amalan yang boleh diterima.
"Mengubah ini memerlukan kita mempunyai rancangan jangka panjang yang merangkumi kempen pendidikan awal mengenai gejala rasuah," tegasnya.